

Majlis Tandatangani MOU Bagi Projek Pembangunan Produk Kelapa Sawit Dibawah Tabung Pembangunan Industri Kayu-Kayan Malaysia (TPIKM)

Selasa, 29 Januari 2013 16:26



- MALAY VERSION ONLY -

Y.B. DATO' HAMZAH ZAINUDIN
TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
SEMPENA MAJLIS TANDATANGAN MoU BAGI PROJEK PEMBANGUNAN PRODUK DARIPADA KELAPA SAWIT DIBAWAH
TABUNG PEMBANGUNAN INDUSTRI KAYU-KAYAN MALAYSIA (TPIKM)
PADA 29 JULY 2010 (KHAMIS)
DI FIDEC, MTIB,
OLAK LEMPIT, MTIB, SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Selamat sejahtera serta selamat pagi

Yang dihormati saudara/saudari pengacara majlis,

Y.Bhg. Datuk Wira Ismail Salleh
Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Y.Bhg Datuk Wilfred Madius Tangau
Pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB),

Datin Paduka Nurmala Abd Rahim
Timbalan Ketua Setiausaha 1

Y.Bhg. Pn Rosela Mahayuddin
Timbalan Ketua Setiausaha II

Y. Bhg Tn Abduk Razak Jaafar
Y. Di Pertua Daerah Kuala Langat
Y.Berusaha Dr. Jalaluddin Harun
Ketua Pengarah MTIB,

Y. Berusaha En George Tan Seng Hoe,
Presiden Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia (TEAM)

Y.Berusaha Dato Sheikh Othman Sheikh Abd. Rahman
Pengerusi Kehormat Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA)

Ahli-ahli Lembaga MTIB,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi,

Dif-dif jemputan,

Dato' Dato, Datin Datin

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Selamat pagi dan salam sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Majlis menandatangani MoU untuk projek dibawah Tabung Pembangunan Industri Kayu-Kayan Malaysia (TPIKM) pada petang ini.

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin, dif-dif jemputan dan wakil media kerana dapat melapangkan masa hadir di Majlis kita pada petang ini. Sesungguhnya saya berasa bangga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan ianya mencerminkan sokongan yang kuat dalam usaha Kerajaan memajukan lagi industri perindustrian Malaysia.

Para hadirin yang dimulikan,

3. Kerajaan sedang melaksanakan Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) bagi tempoh 2009-2020 yang mensasarkan pencapaian eksport kayu-kayan sebanyak RM 53 billion menjelang 2020. Salah satu langkah dalam NATIP adalah penyusunan semula struktur industri daripada 40 peratus bagi industri premier dan 60 peratus bagi industri hiliran daripada sebelum NATIP ia itu 60 peratus premier dan 40 peratus hiliran. Dua projek ini adalah antara langkah yang ambil oleh Kerajaan dalam pengstrukturian industri kayu Malaysia yang berteraskan pengamalan teknologi baru dan berorientasikan produk yang berinovasi.

4. Pada masa ini industri kayu termasuk papan lapis mengalami masalah bekalan bahan mentah, persaingan yang sengit dan keperluan 'Green' daripada pasaran global. Untuk meningkatkan tahap persaingan produk-produk papan lapis dan kayu gergaji dalam pasaran tempatan dan antarabangsa, dua projek mengenai 'Oil Palm Plywood' ia itu telah diluluskan oleh KPPK dengan dana berjumlah RM 8.07 juta daripada Tabung Pembangunan Industri Kayu Kayan Malaysia untuk meningkat penggunaan batang kelapa sawit bagi menggantikan kayu keras dalam pengeluaran papanlapis dan kayu gergaji sebagai bahan alternatif di Semenanjung Malaysia.

5. Kedua-dua projek TPIKM tersebut akan dikendalikan oleh MTIB melalui Pusat Pembangunan Fiber dan Biokomposit (FIDEC). Projek Pembangunan Kayu Gergaji daripada Kelapa Batang Sawit yang telah dipohon Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia (TEAM) dengan dana RM 3.264 juta adalah bertujuan untuk meningkat penggunaan batang kelapa sawit bagi menggantikan kayu keras dalam pengeluaran kayu gergaji di Semenanjung Malaysia. Penyelidikan yang akan dijalankan oleh kilang-kilang yang terlibat dalam projek ini bertujuan meningkatkan kualiti dan "recovery rate" daripada batang kelapa sawit dan akan membangunkan produk kayu gergaji yang lebih bermutu tinggi daripada batang kelapa sawit.

6. Projek Pembangunan Produk Papan Lapis daripada Kelapa Sawit berkualiti Tinggi untuk Pasaran Eksport telah diluluskan dengan dana RM 4.81 juta yang dipohon oleh Persatuan Pekilang Panel Malaysia, ini merupakan Fasa 2 projek tersebut. Objektif projek ini adalah untuk membangunkan papan lapis kelapa sawit yang dapat bersaing dengan papan lapis dari negara lain dari segi harga dan kualiti. Papan lapis tersebut mesti juga menepati piawaian antarabangsa yang mesra alam dan produk hijau untuk eksport. Projek ini akan juga meningkatkan penggunaan batang kelapa sawit bagi menggantikan kayu keras dalam pengeluaran papanlapis di Semenanjung Malaysia dan skop projek ini adalah memberi lebih tumpuan kepada logistik bahan mentah, kadar pulangan kayu, teknologi, pemasaran dan piawaian produk.

7. Untuk makluman para hadirin yang dimulikan, Fasa 1 projek ini yang telah dilaksanakan pada tahun 2005-2007 berjaya menggalakan dan mempercepatkan kegunaan batang kelapa sawit di kalangan pengkilang papan lapis di Semenanjung Malaysia. Satu manual pengeluaran papanlapis OPT bertajuk 'A Preliminary Guide to the Production of Palm Plywood', telahpun dikeluarkan sebagai rujukan kepada industri yang berminat untuk menceburi industri pengeluaran papanlapis OPT di Malaysia. Dalam projek ini lebih 50% OPT digunakan sebagai 'core' manakala bahagian 'face' dan 'back' menggunakan kayu keras Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dimulikan,

8. Sumbangan industri kayu kepada ekonomi Negara amat signifikan. Pada tahun 2009, nilai eksport menurun sebanyak 14% ke RM 19.6 billion akibat kemelesetan dan kegawatan ekonomi dunia berbanding dengan RM 22.79 billion pada 2008. Dalam pasaran domestik pula, penggunaan kayu dianggarkan bernilai RM 7.6 billion setahun. Untuk memastikan penggunaan kayu terus berkembang di pasaran antarabangsa dan pasaran tempatan, KPPK melalui MTIB telah menjalankan pelbagai usaha berterusan seperti pembangunan produk-produk baru daripada sumber kayu alternatif terutama daripada batang kelapa sawit.

9. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kedua-dua projek akan menjana minat kepada sektor-sektor panel dan kayu gergaji dengan jangkaan pertumbuhan aktiviti pemprosesan yang menggunakan bahan baru ia itu papan lapis dan kayu gergaji kelapa sawit. Anggaran pertambahan kepada pencapaian eksport adalah sebanyak RM 2 billion tahunan dari produk-produk papan lapis, perabot dan kayu gergaji dengan mengambilkira juga kesan penggandaan dalam sektor-sektor pengangkutan, tenaga kerja, dan juga pelaburan mesen-mesen pemprosesan baru bagi Semenanjung Malaysia. Andaian konservatif mengenai peningkatan produk yang mengguna bahan kayu batang kelapa sawit akan mencapai RM 4 billion pada tahun 2020 dengan mengambilkira penggunaan 50 peratus daripada jumlah keseluruhan bekalan batang kelapa sawit di Malaysia.

10. Menyedari akan potensi besar pasaran domestik dan antarabangsa bagi product-produk hijau, potensi pemasaran hasilan papanlapis dan kayu gergaji daripada Projek Pembangunan Produk Papan Lapis daripada Kelapa Sawit berkualiti Tinggi untuk Pasaran Eksport dan Projek Pembangunan Kayu Gergaji daripada Kelapa Batang Sawit masing-masing adalah positif, dan usaha promosi melalui pameran dan program pemasaran untuk mengukuhkan keyakinan di kalangan pengguna di pasaran tempatan dan global akan dilaksanakan oleh FIDEC.

11. Dalam usaha untuk menaiktaraf produk gentian dan biokomposit, saya juga difahamkan bahawa pada masa kini, Kementerian dan MTIB telah mengadakan kerjasama bersama agensi peyilidikan dan institusi pengajian tinggi di negara ini bagi membangunkan produk kayu bernilai tambah khususnya produk biokomposit. Ini merupakan satu kaedah untuk mempelbagaikan jenis produk yang sedia ada dan keluaran baru gentian dan biokomposit dari sumber alternatif seperti kenaf, habuk gergaji dan sekam padi dalam negara.

12. Dengan perkembangan dalam jenis produk dari kayu kelapa sawit, saya ingin mendapat komitmen usahawan supaya menyahut cabaran kerajaan dalam mempromosikan teknologi baru dan inovasi dalam pemprosesan. Saya jug ingin menggalakan industri kayu dan biokomposit untuk mengutamakan pengeluaran produk yang mesra alam dengan produk yang diklifikasikan dengan Tag "GREEN" bagi pasaran tempatan dan global.

13. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada FIDEC, MTIB dan saya berharap agar tuan-puan warga MTIB terus memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan dedikasi dan cemerlang dan tidak sesekali merasa selesa dengan apa yang telah dikecapi.

14. Dengan lafaz Bismillah hirohman nirohim saya dengan besar hati merasmikan Majlis Menandatangani di atas.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Waasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi